



Jangan biarkan

AI tindas suara manusia

TAKHTA SUCI: Umat manusia tidak boleh membiarkan teknologi, terutamanya AI (kecerdasan buatan), mengaburkan, mengeksploitasi atau menindas suara manusia, pengetahuan, bakat, kreativiti dan keupayaan berfikir secara kritis, kata Sri Paus Leo XIV.

Algoritma yang direka untuk memaksimumkan penglibatan di media sosial boleh mengunci orang dalam “gelembung” konsensus dan kemarahan, melemahkan keupayaan orang untuk mendengar dan berfikir secara kritis dan meningkatkan polarisasi, tulis Bapa Suci Leo dalam pesannya untuk Hari Komunikasi Sedunia.

“Ditambah lagi dengan kebergantungan yang naif dan tanpa berfikir akan kesannya terhadap AI malah menggunakan AI sebagai ‘teman’ yang maha tahu, pemberi semua maklumat, arkib semua ingatan, ‘peramal’ semua nasihat,” yang juga boleh mengikis keupayaan untuk memahami apa erti sebenar sesuatu situasi atau perkara dan berfikir secara analitikal dan kreatif,” tulisnya.

Pesan Sri Paus itu diterbitkan pada Januari 24 sempena Pesta Santo Fransiskus de Sales, santo penaung para wartawan.

Vatikan dan kebanyakan keuskupan akan meraikan Hari Komunikasi Sedunia pada Mei 17, iaitu hari Ahad sebelum Pentakosta.

Buat pertama kalinya Sri Paus Leo XIV menulis pesan untuk Hari Komunikasi Sedunia ke-60 dengan tema, “Melestarikan suara dan wajah manusia”.

Tema tersebut menekankan tumpuan Sri

Paus pada keperluan menghormati individu manusia dan mengakui keunikan serta kepelbagaian yang diberikan Tuhan kepada setiap orang.

Sri Paus menekankan risiko baharu dalam interaksi dalam talian, menyatakan betapa sukarnya untuk mengetahui sama ada seseorang berinteraksi dengan orang sebenar.

“Semasa kita menyentuh skrin, kita sukar untuk menentukan sama ada kita berinteraksi dengan manusia lain atau dengan ‘bot’ atau ‘pengaruh maya,’” tulisnya, memberi peringatan bahawa ‘bot’seimbang boleh digunakan sebagai “pujukan rahsia” dan mungkin “menjadi arkitek tersembunyi keadaan emosi kita.”

“Umat manusia boleh memanfaatkan peluang yang ditawarkan oleh teknologi digital dan kecerdasan buatan “dengan keberanian, keazaman dan kebijaksanaan,” tulisnya, tanpa menyembunyikan atau mengabaikan isu-isu kritikal, masalah, dan risiko yang ditimbulkannya.

Digoda menerima buah pengetahuan secara pasif

Apa yang menjadi perhatian utama bukanlah apa yang boleh atau akan dilakukan oleh “mesin” atau teknologi, tulis Sri Paus, “tapi apa yang boleh dan akan kita lakukan, berkembang dalam kemanusiaan dan pengetahuan, dengan penggunaan bijak alat-alat canggih yang ada di tangan kita.”

Inti masalahnya ialah godaan manusia untuk menerima buah pengetahuan secara pasif tanpa menjadi sebahagian daripada proses teknologi, tanpa melakukan penyelidikan yang diperlukan, dan tanpa diminta bertanggungjawab atas penggunaannya.

“Menyerahkan proses kreatif dan meny-

erahkan kapasiti mental dan imaginasi kita kepada mesin bermakna menguburkan bakat yang telah kita terima untuk berkembang sebagai manusia dalam hubungan dengan Tuhan dan sesama,” tulisnya. Itu bermakna menyembunyikan wajah kita dan membungkam suara kita.

Merendahkan tamadun asas manusia

Tanpa keselamatan yang mencukupi, “teknologi digital berisiko mengubah secara radikal beberapa tonggak asas tamadun manusia” kerana teknologi hari ini mampu mensimulasikan “suara dan wajah manusia, kebijaksanaan dan pengetahuan, kesedaran dan tanggungjawab, empati dan persahabatan.”

“Sudah lama terdapat banyak bukti bahawa algoritma yang direka untuk memaksimumkan penglibatan di media sosial — yang menguntungkan bagi platform — memberi ganjaran kepada emosi spontan dan menghukum ekspresi manusia yang lebih memakan masa seperti usaha untuk memahami dan merenung,” tulis Sri Paus.

AI mengurugi kemahiran kognitif

“Walaupun AI boleh memberikan sokongan dan bantuan dalam menguruskan tugas komunikasi, namun ia menghalang pemikiran sendiri malah keterbengantungan manusia terhadap AI berisiko mengurangkan kemahiran kognitif, emosi dan komunikasi kita dalam jangka panjang,” tulisnya.

Bapa Suci menekankan bahaya membiarkan sistem AI mengambil alih penghasilan teks, muzik dan video, serta membiarkan “karya agung kepintaran manusia dalam bidang muzik, seni dan sastera menjadi “sekar tempat latihan bagi mesin.”

“Sebahagian besar industri kreatif manusia berisiko dibongkar dan digantikan dengan label ‘Disokong oleh AI,’ mengubah manusia menjadi pengguna pasif, tanpa kebijakan berfikir, produk tanpa nama, tanpa pengarang, tanpa cinta,” tulisnya.

Bapa Suci menyebut peningkatan kehadiran “influencer maya” dalam media sosial masyarakat, dan keupayaan mereka untuk mempengaruhi perdebatan awam dan pilihan masyarakat.

Mengendalikan AI bukan dikendalikan oleh AI

AI kelihatan boleh meniru emosi manusia dan kelihatan “penuh kasih sayang,” berpotensi menipu atau mempengaruhi orang yang terdedah dan mengeksploitasi keperluan manusia dalam sesebuah hubungan.

Jika manusia menggantikan hubungan manusia sebenar dengan sistem yang dilatih oleh AI, di mana “segala-galanya dibuat mengikut imej dan rupa kita,” manusia boleh membina halusinasi dan kehilangan peluang “untuk bertemu dan membina persahabatan dengan orang lain.”

Apa yang perlu dilakukan, tulisnya, adalah “bukan menghentikan inovasi digital, tetapi membimbingnya, menyedari sifatnya yang dwi-arah” dan “meningkatkan suara kita untuk mempertahankan manusia, supaya alat-alat ini benar-benar dapat diintegrasikan sebagai sekutu kita.”

Sri Paus menyeru agar literasi media, maklumat dan AI ditingkatkan di semua peringkat. Sebagai Katolik, kita boleh dan mesti menyumbang supaya orang ramai — terutamanya golongan muda — diperolehi kemahiran berfikir kritis dan berkembang dalam kebebasan roh. **Media Vatikan**

Kelembutan tidak lagi diperlukan?

Hari ini, sama ada dalam politik atau wacana umum, ia semakin diterima untuk berbicara tentang kekuatan, paksaan dan kuasa manusia yang kasar sebagai kekuatan yang kita perlukan untuk membimbing kehidupan kita. Secara jelas, empati kadangkala dianggap sebagai kelemahan.

Bagi orang ramai, kebanyakan mereka percaya bahawa kekuatan, paksaan dan kuasa adalah diperlukan untuk mengawal dunia, namun ini sama sekali bertentangan dengan agama Kristian.

Ringkasnya, kekuatan, kuasa dan paksaan seperti itu merupakan antitesis kepada ajaran Yesus, seperti yang dinyatakan dengan jelas oleh Injil.

Begini cara Injil mentakrifkan kekuatan dan kelemahan: Selama berabad-abad, umat pilihan yang berasa tertindas, merindui dan berdoa kepada Tuhan agar seorang Mesias akan datang menyelamatkan mereka.


Mesias yang ditunggu ini diharapkan mempunyai otot yang menggerunkan, akan menakluki musuh mereka, membawa kemakmuran kepada mereka dan mengikat mereka bersama dalam komuniti dengan kekuatan, daya, dan kuasa yang luar biasa.

Tetapi seperti yang kita tahu, Mesias yang datang sangat bertentangan dengan doa dan jangkaan mereka.

Ketika Tuhan menjawab doa mereka, Mesias yang mereka idamkan muncul bukan sebagai adiwira, tetapi sebagai bayi yang tidak berdaya, yang tidak mampu menyuap makanan sendiri, tidak berdaya untuk menjaga diri sendiri sehingga dewasa.

Walau bagaimanapun semasa dewasa, Dia telah melakukan mukjizat dan kadangkala mempamerkan kekuatan dan kuasa yang luar biasa.

Namun, kuasa yang ditunjukkan dalam mukjizat-Nya tidak pernah bersifat politik, ketenteraan atau menakutkan secara fizikal. Mukjizat-mukjizat-Nya sentiasa menunjukkan tindakan aksi belas kasihan



dan kesetiaan Tuhan.

Terdapat permainan kata yang menarik dalam Injil apabila ia menyebut tentang "kuasa" atau "wewenang".

Injil menggunakan tiga perkataan Yunani yang berbeza: Kadang-kadang ia merujuk kuasa sebagai *Energia* – jenis kuasa yang boleh dibawa oleh bintang atlet ke padang permainan; dan kadangkala kuasa dirujuk sebagai *Dynamis* – jenis kuasa yang boleh dibawa oleh bintang rock ke pentas.

Walau bagaimanapun, setiap kali Injil merujuk kepada Yesus sebagai berkuasa atau mempunyai autoriti, mereka tidak pernah menggunakan perkataan-perkataan ini. Sebaliknya, Injil menggunakan perkataan *Exousia* (yang tiada padanan dalam bahasa Inggeris), tetapi kita memahaminya.

Exousia ialah kuasa paradoks yang dibawa oleh bayi ke dalam bilik. Pada pandangan pertama, bayi kelihatan seperti berdaya, tetapi 'ketidakberdayaan' itu merupakan kuasa paling besar dari semua – ia mempunyai kuasa moral yang mewujudkan belas kasihan, keintiman dan kasih sayang.

Ringkasnya, jika anda memasukkan tiga orang ke dalam bilik: seorang atlet yang berada di kemuncak keupayaan fizikalnya, seorang bintang rock yang boleh menggegarkan stadium dengan tenaga dan seorang bayi. Siapakah yang mempunyai kuasa paling banyak? Yesus mempunyai

jawabannya.

Kita melihat ini dengan jelas dalam cara kematian-Nya. Ketika Dia tergantung di salib, menderita dan dihina, Dia diejek: jika Engkau anak Tuhan, turunlah dari salib itu! Jika Engkau mempunyai kuasa ilahi, tunjuk kanlah! Yesus tidak termakan umpan.

Dia tidak menunjukkan kuasa yang kita harapkan. Kita percaya Tuhan patut menggunakannya kuasa itu dengan kerap. Tetapi, Yesus adalah sebaliknya! Dia menggunakan kuasa lain, kuasa yang lebih tinggi. Dalam ketidakberdayaannya, Dia menyerahkan roh-Nya dalam cinta dan empati dan menunjukkan kepada kita tempat di mana keintiman dilahirkan.

Tambahan pula, Yesus sangat jelas dalam pengajaran-Nya. Seperti yang dijelaskannya dalam Khutbah di Bukit (mungkin kod moral terhebat yang pernah ditulis), kekuatan, paksaan dan kuasa manusia bukanlah yang menjadikan sesebuah kerajaan itu semakin gagah. Apakah yang mewujudkan komuniti dan keintiman di kalangan kita?

Berbahagialah orang yang miskin roh, kerana merekalah yang empunya kerajaan syurga.

Berbahagialah mereka yang berdukacita, kerana mereka akan dihiburkan.

Berbahagialah orang yang lemah lembut, kerana mereka akan mewarisi bumi.

Berbahagialah mereka yang lapar dan

dahaga akan kebenaran, kerana mereka akan dipenuhi.

Berbahagialah orang yang berbelas kasihan, kerana mereka akan dikasihani.

Berbahagialah orang yang suci hatinya, kerana mereka akan melihat Tuhan.

Berbahagialah orang yang membawa damai, kerana mereka akan disebut anak-anak Tuhan.

Berbahagialah mereka yang dianiaya kerana kebenaran, kerana merekalah empunya kerajaan syurga. (Matius 5: 3-11)

Malangnya, hari ini dalam politik dan dalam wacana awam kita (yang malangnya sering kekurangan kesopanan) orang semakin meletakkan kepercayaan mereka pada kuasa manusia yang bengis – kuasa politik, kuasa ekonomi, kuasa ketenteraan, kuasa media sosial, keistimewaan sejarah.

Perkara seperti inilah yang dipersetujui ramai ahli politik. Mereka memutuskan sesuatu di dunia. Hanya yang kuat, berkuasa, dan kaya yang akan mewarisi perkara-perkara baik di bumi ini.

Mereka yang miskin dalam roh, yang berkabung, yang lemah lembut, yang belas kasihan dan yang dianiaya, akan terlepas peluang dalam kehidupan. Ini semua kerana berdasarkan kepercayaan bahawa empati adalah kelemahan.

Apakah yang dapat dikatakan dalam menghadapi keadaan ini? Apakah sahutan Kristian yang sepatutnya?

Sejak permulaan kehidupan manusia di planet ini, kekuatan dan kuasa kasar sentiasa dirasai dan sering menjadi kuasa dominan dalam membentuk sejarah.

Mereka yang lemah lembut tidak selalu mewarisi bumi (sekarang-kurangnya bukan bumi ini). Dan, hari ini orang yang lemah lembut diancam dari semua arah. Walau bagaimanapun, apa pun kepentingan politik atau ekonomi, kekuatan dan kuasa ganas seperti ini bukan ajaran Yesus dan Injil. Ia adalah antitesis kepada Yesus dan Injil. **Hakcipta Terpelihara 1999-2026 @ Fr Ron Rolheiser**

Menyapa hati orang-orang yang mencari kebenaran

Hari ini kita memasuki minggu biasa pekan kelima. Kita bertemu kembali bacaan-bacaan suci yang mengajak kita sebagai pengikut Kristus agar siap menjadi teladan bagi banyak orang di sekitar kita.

Dalam Khutbah di Bukit, Yesus tidak hanya mengajar prinsip-prinsip hidup kerajaan Tuhan, tetapi juga memberikan identiti dan misi kepada para pengikut-Nya.

Dalam Matius 5:13-16, Yesus memakai dua metafora yang sangat kuat: garam dan terang. Dua gambaran ini berbicara tentang pengaruh dan kesaksian hidup orang percaya di tengah dunia.

Pertama, "Kamu adalah garam dunia" (Mat 5:13). Garam pada zaman Yesus memiliki banyak fungsi: memberi rasa, mencegah pembusukan, dan bahkan digunakan untuk persembahan di Bait Tuhan. Ini menyiratkan beberapa hal:

Memberi rasa (nilai): Dunia tanpa Kristus hambar dan kosong. Kehadiran orang percaya seharusnya membawa nilai, makna, dan sukacita dalam kehidupan sosial, keluarga dan alam ciptaan.

Mencegah pembusukan (moral dan kebenaran): Dunia dikuasai oleh dosa dan kejahatan. Orang percaya dipanggil untuk menjadi kekuatan yang menahan arus kejahatan dengan hidup kudus, membela keadilan dan menyuarakan kebenaran.

Untuk itu kita harus menjaga nilai rasa itu. Yesus memperingatkan, "Jika garam itu menjadi tawar..." Ini menunjukkan bahawa orang percaya dapat kehilangan pengaruh jika hidup mereka tidak berbeza dari dunia. Identiti tanpa integriti kehilangan kekuatannya.

Kedua, "Kamu adalah terang dunia" (Mat 5: 14-16). Dalam ayat ini, Yesus bukan berkata, "Kamu harus menjadi terang". Terang adalah identiti yang melekat pada orang yang hidup dalam Kristus.

Terang bersifat aktif. Ia menerangi kegelapan, menunjukkan jalan, dan memberi harapan. Kehidupan orang percaya seharusnya menuntun orang lain kepada Kristus, bukan menjauhkan diri daripada-Nya.

Terang tidak disembunyikan. Yesus menegur sikap iman yang tersembunyi. Iman sejati harus dinyatakan melalui perbuatan nyata, bukan hanya pengakuan peribadi.

Tujuan terang ialah "Supaya mereka melihat perbuatanmu yang baik dan memuliakan Bapamu yang di syurga." Hidup yang memuliakan Tuhan ialah hidup yang menunjukkan kasih, keadilan, kemurahan, dan kebenaran—sehingga orang lain dapat melihat Kristus melalui kita.

Oleh sebab itu, marilah dalam hidup ini

kita terus berusaha memberi rasa di tengah lingkungan hidup kita. Kita berjuang memancarkan terang Kristus dalam sikap, perkataan dan keputusan kita setiap hari.

Bacaan pertama, kitab Nabi Yesaya, memberikan kepada kita cara menjadi garam dan terang dunia, iaitu dengan peduli akan orang lapar, miskin dan yang membutuhkan pertolongan.

Ditegaskan bahawa dengan berbuat demikian, terang orang tersebut merekah di dalam dirinya dan garam dalam dirinya memberikan penyedap kepada orang lain.

Membantu orang lain dalam kesusahan adalah salah satu bentuk menjadi garam dan terang, bukan merendahkan maruah mereka atau mengejek.


Di kota-kota, kemiskinan mungkin kurang, tetapi ramai orang yang memerlukan bantuan rohani dalam perjalanan hidup agar tidak tertekan dan berasa sendirian atau kesepian.

Umat beriman dipanggil untuk menjadi terang dan garam bagi sesama, bukan memanfaatkan atau mengambil keuntungan daripada mereka.

Ada banyak cara yang dapat kita jalani untuk menjadi garam dan terang dunia. Bergantung situasi kita dan keadaan sosial yang kita hadapi, termasuk juga kreativiti.

Namun, yang jelas Yesus mengajak kita semua agar berbuat sesuatu agar kita

**HARI MINGGU BIASA
KELIMA TAHUN A
YESAYA 58: 7-10;
1 KORINTUS 2: 1-5,
INJIL MATIUS 5: 13-16.**



dapat menjadi garam dan terang untuk sesama kita.

Nabi Yesaya memberikan semangat kepada kita sebagai garam dan terang dengan berkata, "Kebenaran akan menuntunmu dan kemuliaan Tuhan menjiwaimu." **Cahaya Kristus**

Tuhan sentiasa berkerja demi kebaikan umat-Nya

BUKIT MERTAJAM: 25 tahun lalu, seorang pemuda menjawab panggilan Tuhan dan mendedikasikan hidupnya kepada Kristus dan Gereja-Nya.



Pada Januari 19 lalu, di Basilika Kecil St Anne, komuniti Katolik dengan gembiranya meraikan jubli perak imamat Msgr Henry Rajoo dengan Misa kesyukuran dan makan malam.

Misa itu disambut oleh Msgr Henry, dengan Kardinal Sebastian Francis dan kira-kira 40 orang paderi.

Msgr Henry ditahbis pada Januari 19, 2001, di paroki kampung halamannya, Gereja Hati Kudus Yesus di Kulim.

Tugasan pastoral pertamanya

membawanya ke Gereja St Louis, Taiping, sebelum dihantar ke Taiwan pada September 2001, di mana beliau berkhidmat selama dua tahun.

Semasa berada di luar negara, beliau menguasai bahasa Mandarin, yang memberinya gelaran “paderi berbilang bahasa”.

Dalam khutbahnya, Msgr Henry merenungkan tema yang dipilihnya 25 tahun lalu: “Setia”.

Beliau berkongsi, “Saya menjawab ‘Ya’ kepada panggilan saya kerana saya percaya imamat adalah panggilan saya. Saya hanya mahu setia dalam panggilan saya. Tetapi 25 tahun kemudian, saya merasakan tema ‘Setia’ sahaja agak tergantung. Jadi, sempena meraikan jubli perak saya hari ini, saya menambah: ‘Setia dalam Harapan’.

Katanya, “Harapan, ialah percaya bahawa Tuhan sedang bekerja walaupun dalam yang Dia tidak kelihatan. Saya di sini hari ini, bukan kerana kekuatan saya, tetapi kerana Tuhan setia. Marilah kita setia dalam harapan bersama, kerana Dia yang memanggil kita adalah dipercayai.”

Ulang Tahun Imamat pertama Fr Jonathan Rao

KUALA LUMPUR: Setahun lalu, Fr Jonathan Andrew Rao merupakan paderi pertama yang ditahbis untuk tahun 2025 di Keuskupan Agung Kuala Lumpur.

Beliau ditahbis di Gereja St Francis of Assisi oleh Uskup Agung Julian Leow, setelah 28 tahun tidak ada pentahbisan imamat di paroki tersebut.

Masa begitu pantas berlalu. Fr Jonathan yang melayani di paroki St Jude, Rawang sebagai pembantu paderi paroki, diraikan pada Januari 25, bersempena Ulang Tahun Kepaderiannya yang pertama.



Suasana kekeluargaan terasa apabila seluruh umat bersatu menyanyikan lagu “Happy Anniversary and May the Good Lord Bless You”. Kemudian seorang umat membaca puisi khusus untuk paderi yang diraikan bertajuk, “Dalam Setiap Hati, Panggilan Seorang Gembala” yang menggambarkan dedikasi Fr Jonathan dalam melayani umat Tuhan.

Imamat: Karya besar Tuhan untuk Gereja

TELUPID: Fr Christopher Ireneus (Fr Chris), yang dilahirkan di Kg Kiabau, Telupid, merupakan paderi pertama paroki Telupid, telah ditahbis oleh Uskup Julius Dusin Gitom di Gereja St Martin pada Disember 28, 2016.

Beliau kini merupakan paderi paroki St Martin. Umat Gereja St Martin menyambut ulang tahun kepaderian beliau beberapa hari agak lewat iaitu pada Januari 4, dengan Misa Kudus di KUK St Emmanuel, Liningkung.

Sebelum Misa Kudus bermula, Fr Chris, terlebih dahulu memberkati Dewan Terbuka St. Emmanuel, Liningkung.

Kemudian, beliau memimpin perayaan Kudus yang dimulakan pada pukul 10.00 pagi.

Dalam homilinya, Fr Chris menegaskan bahawa karya keselamatan yang dibawa oleh Yesus Kristus adalah bersifat sejagat dan ditujukan kepada semua bangsa.

Fr Chris turut menekankan ba-



hawa pencapaian akademik dan kedudukan sosial tidak membawa erti sekiranya tidak disertai dengan keutuhan nilai keluarga dan kehidupan iman yang seimbang.

Dalam realiti dunia moden yang semakin individualistik, umat dinasihati untuk terus berpaut kepada iman dan kebenaran sebagai asas kehidupan.

Fr Chris mengakhiri homilinya dengan seruan agar seluruh umat sentiasa tekun dalam doa serta setia berjalan bersama Tuhan dalam setiap keadaan.



Minggu perpaduan Kristian bantu bentuk struktur moral negara

KUALA LUMPUR: Hampir 200 orang Kristian dari pelbagai denominasi berhimpun di Katedral St Mary di Jalan Raja, pada Januari 22 untuk Ibadat Doa sempena Minggu Doa untuk Perpaduan Kristian.

Pada tahun ini ia dianjurkan di Gereja Anglikan dengan tema, “Ada satu tubuh, dan satu Roh, sebagaimana kamu telah dipanggil kepada satu pengharapan yang terkandung dalam panggilanmu” (Efesus 4:4).

Kata-kata itu menjadi hidup melalui kehadiran umat yang terdiri daripada para uskup, penatua, pastor, pemimpin dan orang awam dari pelbagai denominasi, berdoa bersama sebagai tanda perpaduan dan persahabatan.

Komuniti Katolik diwakili Uskup Agung Julian Leow, Fr Gerard Theraviam, Fr Dominic Tan, Fr Andrew Manickam, OFM, Cap, Fr George Harrison, Diakon Anthony Robert dan Philip Asirwalam, serta beberapa orang seminarian.

Minggu Doa untuk Perpaduan Kristian secara tradisional disambut dari Januari 18 hingga 25, tempoh yang dicadangkan pada

tahun 1908 oleh paderi Katolik, Fr Paul Wattson.

Tarikh-tarikh ini secara simbolik merapatkan Perayaan Pengakuan Sto Petrus dan Pertobatan Sto Paulus, mengingatkan orang Kristian bahawa perpaduan berakar umbi dalam kesetiaan dan transformasi.

Simbolisme itu bergema kuat dalam konteks Malaysia, di mana perpaduan bukan sekadar ideal, tetapi realiti yang dialami setiap hari.

Dalam khutbahnya, Uskup Dr Steven Abbarow dari Gereja Anglikan menyatakan bahawa rahmat melimpah apabila umat pelbagai denominasi berkumpul “dalam nama Bapa, dan Anak, dan Roh Kudus” sebagai satu keluarga Tuhan.

Katanya, di Malaysia, perpaduan bukanlah konsep yang abstrak tetapi cabaran harian. Dengan nada bergurau, beliau berharap orang Kristian di Malaysia tidak hanya berhimpun ketika majlis pengebumian atau apabila Gereja berasa terancam. Namun, beliau memberi peringatan bahawa perpaduan yang dibentuk

semata-mata untuk kelangsungan hidup atau toleransi tidak dapat mengekalkan harapan.

Tegasnya, kredo Nicea, ialah ungkapan yang indah tentang perpaduan Kristian, mengingatkan umat Kristian bahawa Injil memanggil kita kepada perpaduan, bukan sekadar paparan tetapi sebagai realiti yang dihayati serta dipraktikkan bersama.

Beliau memetik kata-kata popular daripada Sto Augustine, “dalam perpaduan dan kebebasan, kasih sayangnya yang paling utama.”

Pada akhir ucapannya, Uskup Anglikan itu menyeru, “Janganlah kita menghormati Kristus di dalam Gereja tetapi mengabaikan-Nya di luar, iaitu dalam kalangan orang miskin. Gereja sebenar berkarya apabila ia wujud untuk orang lain.”

Sebelum menamatkan ucapannya, Uskup Abbarow menekankan bahawa ekumenisme membentukkan cara Gereja berhubungan dengan dunia. “Jika kita berjalan bersama, kita tiba bersama. Apabila kita bersatu, kita menyumbang kepada struktur moral negara.”

400 pewarta, pemazmur diutus pada Hari Minggu Sabda Tuhan

PAPAR: Hampir 400 pewarta, pemazmur dan komentator diberkati serta diutus pada Hari Minggu Sabda Tuhan, Januari 25 lalu.

400 pewarta itu merupakan gabungan paroki Holy Rosary Limbahau (HRL) dan St Joseph, Papar.

Bagi pewarta, pemazmur dan komentator, yang berjumlah lebih 200 orang, diutus pada Misa Senja oleh paderi yang baharu berpindah ke HRL iaitu Fr Paul Lo.

Manakala pewarta, pemazmur dan komentator dari St Joseph, diberkati serta diutus pada Misa

pagi, Januari 25 di Gereja St Joseph. Dalam homilinya, Fr Paul Lo menjelaskan bahawa Hari Minggu Sabda Tuhan yang dirayakan oleh Gereja Katolik sejagat bukan sekadar menghormati firman Tuhan dalam Alkitab.

“Perayaan Hari Minggu Tuhan juga bermakna kita merayakan Sakramen, tradisi dan magisterium,” kata Fr Paul.

“Pada hari istimewa ini, Gereja mengajak kita untuk semakin mencintai, mendengarkan, merenungkan, dan mewartakan sabda


Tuhan yang hidup dalam Alkitab, sakramen, liturgi dan ajaran-ajaran Gereja Katolik,” jelas Fr Paul.

Seminggu sebelum diberkati dan diutus, para pewarta, pemazmur dan komentator ini berhimpun di Gereja St Joseph untuk rekoleksi pada Januari 17. Pada hari itu, pembantu paderi paroki St Joseph dan HRL, Fr Joshua Liew menyampaikan katekesis mengenai Nabi Yeremia, nabi muda yang dipanggil menjadi “lidah” Tuhan, penerangan mengenai tata cara seorang pewarta dan pemazmur serta Adorasi.



Sahabat kecil Yesus

KAMU ADALAH TERANG DUNIA (MATIUS 5:14)



CARI 10 PERBEZAAN TERSEMBUNYI

Lengkapkan sukukata yang hilang pada petikan Injil di bawah.

Kamu adalah **ga** ____ **du** ____.
 Jika garam itu menjadi **ta** ____
deng ____ apakah ia diasinkan?
 Tidak ada lagi gunanya **sela** ____
dibu ____ dan **diin** ____ orang.
 Kamu adalah **te** ____ dunia.

(Mat 5:13-14)




Demikian __ **hendak** __ terangmu **bercaha** __ di
de __ orang, **supa** __ mereka **meli** ____
perbuatan __ yang baik dan **memulia** ____
 Bapamu yang di **syur** ____ .

(Mat 5:16)

Cari frasa tersembunyi

HKKATAKATAINDAHMUYNIKOLI
 CZBDENGANHIKMATINLSDERRO
 JKESAKSIANTUHANSWDRTYOUJ
 FVDIANTARAKAMUGSAUDAUAJH
 SAUDARASAUDARASLINKOMGY
 FGSELAINYESUSKRISTUSHORLI
 FVBMKEKUATANROHGNTERTKIT



SELAIN YESUS KRISTUS

DI ANTARA KAMU

DENGAN HIKMAT

KESAKSIAN TUHAN

KEKUATAN ROH

KATA-KATA INDAH

SAUDARA SAUDARA

Anak-anak yang dikasihi,

Pernahkah anda merasai makanan yang tidak cukup masin? Makanan itu pasti rasa hambar.

Bagaimana untuk menjadikan makanan itu sedap dan tidak hambar. Sudah tentu, dengan menggunakan garam. Dengan menggunakan kuantiti garam yang betul, makanan pasti sedap.

Ada banyak kegunaan garam. Ia boleh digunakan untuk

mengawet makanan, untuk perubahan malah untuk upacara pemberkatan tertentu, kadang-kadang paderi akan menggunakan garam untuk mengusir kuasa jahat.

Yesus mahu kita menjadi seperti "garam" yang boleh membawa keceriaan kepada mereka yang berduka, sahabat kepada mereka kaum migran, yang sakit dan memerlukan.

Anak-anak, bayangkan

dunia yang gelap sepenuhnya: tiada matahari atau lampu mahupun lilin. Situasi itu pasti sangat menakutkan kerana ia menyukarkan pergerakan kita.

Tetapi, dengan adanya cahaya atau terang, walaupun sedikit, kita dapat bergerak dan melihat sekeliling kita.

Anak-anak, Yesus ialah terang dan cahaya kebenaran.

Bagaimana kita dapat membawa cahaya Tuhan ini dalam

kehidupan seharian kita. Dengan bersikap baik, menghormati sesama, merendahkan hati dan tidak angkuh dengan orang miskin.

Semoga anak-anak, dapat menjadi umpama "lilin" kecil, yang menerangi jalan supaya ramai orang dapat mengikuti kita menuju Yesus, Sang Juruselamat.

Salam Sayang
Antie Melly

BELIA

KANOWIT, Sarawak: Gereja St Francis Xavier, Kanowit, telah berubah menjadi ruang suci pertemuan, penentuan dan rahmat apabila 18 pemuda berhimpun untuk Kem Promosi Panggilan 4.0 Keuskupan Sibu dari Januari 16 hingga 18, lalu.

Menggunakan nasihat rasul Paulus sebagai tema, "Saling melayanilah satu sama lain dalam kasih" (Galatia 5:13), kem itu menjemput peserta untuk menemui, mengenali dan menyahut panggilan.

Ia dianjurkan oleh para seminarian dari Keuskupan Sibu iaitu Seminarian Charles Boromeo, Stephen Suhaili, Nathaniel Ezabel, dan Zulio, di bawah bimbingan rapat Pengarah Panggilan, Fr Johanaz Ling.

Fr Johanaz menemani para peserta dengan setia dan sabar bersama anak muda, membimbing mereka membukakan hati terhadap panggilan Roh Kudus.

Melayani sesama dengan KASIH



Uskup Joseph Hii yang memberikan sokongan penuh terhadap kem itu, memimpin Misa Kudus pembukaan.

Dalam homilinya, Uskup Joseph Hii mengatakan, "Setiap umat, dicipta unik dan berbeza untuk orang lain agar kita dapat membantu orang lain mengenali keunikan mereka sendiri."

Dalam konteks ini, panggilan bukan merujuk tentang diri sendiri tetapi bersifat relasional. Panggilan ialah keteguhan kasih seseorang dalam melayani orang lain, menjadikan rahmat Tuhan yang bekerja di dunia dapat dilihat oleh ramai orang.

Sepanjang program tiga hari tersebut, pandangan kitab suci dan teologi ini diperdalam melalui doa bersama, perayaan Ekaristi, renungan peribadi, dan

sesi input formatif.

Para peserta, seramai 18 orang, terdiri daripada lima orang wanita dan 13 orang lelaki, turut didampingi oleh para biarawati dari kongregasi Putri Karmel dan Sisters of St Francis Sarawak (SSFS).

Sesi-sesi lain disampaikan oleh seminarian dari Mill Hill Missionaries, Fr Raphael, OFM Cap, dan Msgr Michael Lee, Vikar Jenderal Keuskupan Sibu.

Melalui sesi-sesi yang disampaikan oleh para paderi, seminarian dan religius, para peserta menemui kekayaan dan kepelbagaian panggilan dalam Gereja demi melayani umat Tuhan dan membina Tubuh Kristus.



Umat ramai tetapi panggilan masih sedikit

BUNDU TUHAN, Ranau: "Aku di sini datang melakukan kehendak-Mu" (Mzm 39[40]) telah menjadi tema "Seminar Panggilan Menjadi Paderi Keuskupan" bagi tiga Keuskupan di Sabah.

Seminar itu berlangsung pada 16 hingga 18 Januari 2026 di pusat retret Bundu Tuhan, Ranau.

Seramai 226 peserta menghadiri kem ini termasuk Bapa Uskup Agung Kota Kinabalu, lima orang paderi, Diakon Brywinedren, 30 orang seminarian dan tujuh orang aspiran.

Manakala jumlah sebenar peserta yang mengikuti seminar ini ialah seramai 182 orang, iaitu 103 peserta dari Keuskupan Agung Kota Kinabalu, 63 peserta dari Keuskupan Keningau, dan 16 peserta dari Keuskupan Sandakan.

Semasa memimpin Misa pembukaan, Uskup Agung John Wong mengajak para peserta memberi peluang kepada Tuhan dan diri sendiri untuk menyahut panggilan-Nya dalam pelayanan kerajaan Tuhan.

Prelatus itu menegaskan agar para peserta tidak bertangguh terlalu lama, kerana Tuhan sentiasa memanggil setiap orang dalam kehidupan seharian.

Uskup Agung John juga menggalakkan para peserta supaya terus membuat refleksi dan renungan dalam setiap sesi agar dapat mengenal panggilan Tuhan dan tidak terpengaruh dengan panggilan

dunia, sambil mengingatkan bahawa setiap keuskupan masih kekurangan paderi.

Menyampaikan renungan berdasarkan Injil tentang seorang lumpuh yang dibawa oleh empat orang kawannya kepada Yesus, para peserta diingatkan tentang pentingnya ketekunan, pengorbanan dan sokongan sesama.

Walaupun menghadapi pelbagai halangan, mereka tetap berusaha sehingga orang lumpuh itu dapat dibawa ke hadapan Yesus. Kisah ini mengajak semua peserta untuk sentiasa mendengar seruan Tuhan dalam kehidupan peribadi dan membiarkan diri dibimbing oleh Roh Kudus.

Pada tahun ini juga, Fr Gilbert Marcus telah mengambil alih tugas daripada Fr Isidore Gilbert dalam rumah pembentukan aspiran.

Para paderi lain yang turut hadir ialah Fr Mattheus Luta (Rektor IY), Fr Abel Madisang, Fr Roney Peter Mailap dan Fr Stanley William Matakim. Dalam perkongsian, Fr Gilbert menjelaskan bahawa kata "vocation" berasal daripada perkataan Latin "vocare" yang bermaksud "memanggil", dan panggilan itu bersifat dinamik, seperti ombak laut yang sentiasa datang dan pergi.

Fr Stanley pula menegaskan bahawa pe-



layanannya, termasuk di luar Gereja, menuntut kepekaan untuk mendengar dan membimbing umat dengan penuh kasih.

Setelah sesi temu duga dan perbincangan, Fr Gilbert mengumumkan bahawa seramai 13 orang peserta akan memasuki rumah pembentukan aspiran, iaitu tujuh

dari Keuskupan Agung Kota Kinabalu, lima dari Keuskupan Keningau, dan seorang dari Keuskupan Miri.

Selain itu, dua orang peserta dari Keuskupan Kota Kinabalu akan memasuki Tahun Inisiasi (IY) di Kolej Sto Petrus, Kota Kinabalu. **Seminarian Robert Lee**

Berita singkat antarabangsa

Gereja menolak diskriminasi etnik dan agama

VATIKAN: Sri Paus Leo memberi peringatan terhadap perasaan benci yang meluap-luap semasa Audiens Umum mingguan pada pagi Rabu di Vatikan.

Bersempena Hari Peringatan Holocaust Antarabangsa, Sri Paus Leo mengatakan holocaust "telah membawa maut kepada berjuta-juta orang Yahudi dan ramai orang lain."

"Pada kesempatan tahunan peringatan yang menyakitkan ini, saya memohon kepada Yang Maha Kuasa untuk kurniaan dunia agar tidak lagi dicemari dengan segerakan antisemitisme, mahupun oleh prasangka, penindasan dan penganiayaan terhadap mana-mana manusia."

Bapa Suci Leo seterusnya

mengulangi rayuannya kepada masyarakat antarabangsa, menggesa kewaspadaan supaya "kengerian pembunuhan beramai-ramai tidak akan lagi berlaku pada mana-mana rakyat," dan supaya "masyarakat yang diasaskan atas rasa saling hormat menghormati dan kebaikan bersama dapat dibina."

Manakala melalui hantaran di akaun@Pontifex, Bapa Suci menekankan bahawa "Gereja tetap setia kepada pendirian yang tidak berbelah bahagi Deklarasi *Nostra Aetate* terhadap setiap bentuk antisemitisme.

Tegasnya, "Gereja menolak sebarang diskriminasi atau gangguan berdasarkan etnik, bahasa, kewarganegaraan, atau agama." Media Vatikan

Bapa Suci Leo sokong perarakan untuk kehidupan

ROMA: Sempena Perarakan untuk Kehidupan 2026 di Washington, Sri Paus Leo XIV telah menghantar pesan kepada para peserta, menyatakan rasa terima kasihnya yang mendalam atas "kesaksian mereka" dan memberikan berkat apostolik.

"Saya mengirimi salam hangat kepada anda semua yang menyertai Perarakan untuk Kehidupan 2026," kata Sri

Paus dalam pesan yang diterbitkan oleh Takhta Suci pada Januari 22.

Perarakan untuk Kehidupan dianjurkan oleh umat Katolik di Amerika Syarikat sebagai Hari Doa untuk Perlindungan Anak yang Belum Lahir.

Sejak 1974, ia diadakan setiap tahun dan disertai puluhan ribu orang bagi membantah undang-undang pengguguran janin. Media Katolik

Kongregasi religius anjur program tingkatkan kecergasan murid

BANGKOK: Kira-kira 5,000 pelajar dari tujuh sekolah di Bangkok telah mengambil bahagian dalam Program Peningkatan Kecergasan Fizikal Pelajar, satu inisiatif yang diketuai oleh dua sekolah Katolik dengan sokongan daripada Pejabat Keselamatan Kesihatan Negara Thailand (NHSO).

Program ini diketuai oleh Sekolah Konven St Francis Xavier dan Sekolah Konven Santa Cruz, kedua-duanya ditadbir oleh para Sister St Paul de Chartres (SPC), dan diselenggarakan melalui Persatuan Pelajar St Paul de Chartres (SPCSS), rangkaian alumni selu-

ruh negara sekolah-sekolah SPC. "Program ini memberi tumpuan kepada kesihatan fizikal remaja, jadi kebanyakan pelajar yang mengambil bahagian berada di sekolah menengah rendah dan atas," kata Dr Suwana Wongsurakrai, presiden SPCSS.

Menurut Dr Suwana, sebanyak tujuh sekolah mengambil bahagian dalam inisiatif yang berlangsung selama setahun untuk mempromosikan penjagaan kesihatan pencegahan dalam kalangan golongan muda pada peringkat kritikal perkembangan fizikal dan emosi. LiCAS News

Uskup baharu untuk wilayah Pingliang, China

GANSU, China: Seorang uskup baharu telah mengambil alih keuskupan Katolik di China timur, menggantikan uskup yang telah mencapai usia persaraan menurut hukum kanonik.

Uskup Koajutor Anthony Hui Li, 54, dilantik sebagai uskup Keuskupan Pingliang di Wilayah Gansu pada Januari 15.

Beliau menggantikan Uskup Nicholas Han Jide, yang telah menjabat sebagai uskup keuskupan tersebut sejak tahun 1999.

Seorang uskup koajutor ialah uskup yang dilantik secara khusus untuk sebuah keuskupan dalam Gereja Katolik yang memiliki hak menggantikan uskup yang telah bersara secara automatik.



Upacara pelantikan uskup tersebut berlangsung di Katedral Pingliang, di hadiri para klerus, biarawan/biarawati, dan umat awam, serta para pejabat dari Jabatan Kerja Front Persatuan Parti Komunis China, yang mengawasi urusan keagamaan. LiCAS News

Setiap orang dapat jadi "orang Samaria" yang baik

TAKHTA SUCI: Orang yang beriman dan berkehendak baik perlu meluangkan masa untuk mengakui keperluan dan penderitaan orang di sekeliling mereka dan tergerak oleh kasih dan belas kasihan untuk memberikan bantuan nyata kepada orang lain, kata Sri Paus Leo XIV.

Mencintai sesama – seperti yang diidentifikasi oleh Yesus iaitu sesiapa sahaja yang memerlukan kita – sentiasa berada dekat atau dalam kalangan kita, kata Sri Paus dalam pesannya untuk Hari Orang Sakit Sedunia (HOS) ke-34, yang disambut oleh Gereja Katolik pada Februari 11, yang juga merupakan Pesta Santa Perawan Maria dari Lourdes.

"Rasa sakit yang menggerakkan kita untuk berbelas kasihan bukanlah rasa sakit orang asing; itu adalah rasa sakit anggota badan kita sendiri, Kristus, sebagai kepala atau ketua, mendorong kita untuk peduli, demi kebaikan semua," tulis Sri Paus Leo dalam pesan yang diterbitkan pada Januari 20.

Tema yang dipilih untuk HOS 2026 diilhamkan oleh perumpamaan orang Samaria yang baik hati dan ensiklik mendiang Sri Paus Fransiskus tentang persaudaraan manusia, "*Fratelli Tutti*".

Berjudul, "Kasih Sayang Orang Samaria: Mencintai dengan Menanggung Penderitaan Orang Lain," pesan ini memberi tumpuan kepada kepentingan: bertemu dan mendengar orang lain; tergerak oleh belas kasihan; dan mengasihi Tuhan melalui tindakan nyata dalam solidariti dengan sesama.

Walaupun secara tradisional ditujukan kepada tenaga kesihatan Katolik, pesan tahun ini ditawarkan kepada semua orang, kata



Kardinal Michael Czerny, prefek Dikasteri untuk Menggalakkan Pembangunan Manusia Integral, pada sidang akhbar di Vatikan untuk menyampaikan pesan tersebut pada Januari 20.

Pesan ini ditujukan kepada semua orang kerana "kita adalah satu tubuh, satu saudara dan saudara dalam kemanusiaan," kata kardinal itu.

"Perjuangan umat Katolik untuk keadilan mendapatkan kedalaman dan makna sebenar daripada pengalaman hidup seharian dalam membantu orang sebenar," katanya.

Orang Samaria yang baik menunjukkan bahawa "kita semua berada dalam kedudukan untuk bertindak balas kepada sesiapa sahaja yang memerlukan," katanya.

"Kerana penderitaan begitu ramai orang hari ini, terutamanya golongan muda dan juga mereka yang lebih tua, disebabkan kesunyian dan keputusasaan. Untuk mengurangkan kebimbangan tentang masalah tersebut, anda perlu mendekati mereka," tambahnya.

Dalam pesannya, Sri Paus Leo berkata, "Melayani sesama bermakna mengasihi Tuhan melalui perbuatan."

Malah, "makna sebenar mencintai diri sendiri ialah menyingkirkan setiap usaha untuk mendasarkan harga diri atau rasa maruah kita pada stereotaip dunia — seperti kejayaan, kerjaya, status, atau latar belakang keluarga — dan memulihkan tempat kita yang sepatutnya di hadapan Tuhan dan sesama."

"Saya sangat berharap agar gaya hidup Katolik kita akan sentiasa mencerminkan semangat persaudaraan, 'Samaria' ini — semangat yang mesra, berani, komited, dan menyokong, yang berakar umbi dalam perpaduan kita dengan Tuhan dan iman kita kepada Yesus Kristus," tulis Sri Paus.

"Dinyalakan oleh kasih Ilahi ini, kita pasti akan mampu memberikan diri kita untuk kebaikan semua yang menderita, terutamanya saudara saudari kita yang sakit, warga emas, atau orang yang menderita," tulisnya. Media Katolik



Paderi baharu diingatkan bahaya klerikalisme

MEDAN, Indonesia: Uskup Agung Medan memberi amaran terhadap bahaya klerikalisme kepada lapan orang paderi Kapusin yang baharu ditahbis semasa Misa Pentahbisan di Berastagi, Sumatera Utara, Indonesia, menggesa para tahbisan baharu itu memahami imamat sebagai pelayanan bukannya status.

Uskup Agung Kornelius Sipayung mentahbis para paderi tersebut dalam perayaan Ekaristi di Gereja St Francis of Assisi di Sempajaya, paroki Berastagi, yang terletak dua jam perjalanan dari ibu kota Sumatera Utara, pada hari Ahad, 24 Januari.

Dalam khutbahnya, Uskup Agung Kornelius memberi amaran terhadap klerikalisme, yang digambarkannya sebagai pemahaman yang terpesong tentang pentahbisan sebagai peningkatan pangkat atau kuasa.

Apabila pentahbisan dilihat sebagai status, seorang paderi mungkin berasa lebih tinggi dan tidak boleh menerima teguran.

"Pentahbisan tidak bertujuan untuk meninggikan diri sendiri, tetapi untuk mengikuti Kristus yang membasuh kaki dan menyeraikan nyawa-Nya," katanya.

Uskup Agung itu memberi amaran bahawa klerikalisme sering

masuk secara halus melalui ke-selesaian, keistimewaan, dan pilihan harian yang menjauhkan para paderi daripada pelayanan yang merendahkan hati.

Beliau juga memberi amaran terhadap godaan kuasa dan populariti, yang dipengaruhi kuat oleh media sosial.

"Populariti menjadi berbahaya apabila ia menggantikan Kristus sebagai sumber identiti seorang imam," katanya.

Prelatus itu menekankan bahawa umat beriman adalah milik Tuhan dan tidak boleh sekali-kali menjadi objek kawalan atau manipulasi. LiCAS News

Firman Tuhan ialah realiti yang hidup

VATIKAN: Firman Tuhan harus dipelihara, ia merupakan bintang panduan untuk pelbagai pelayan Gereja dan pedoman untuk perjalanan kita dalam pelbagai kerumitan sejarah dan kewujudan," kata Sri Paus Leo XIV semasa Audiens Umum Rabu pada Januari 28, 2026.

Meneruskan siri katekesisnya yang didedikasikan kepada Konsili Vatikan II (KV II) dan dokumen-dokumennya, Sri Paus sekali lagi memberi tumpuan kepada Perlembagaan Dogmatik *Dei Verbum*, mengenai Wahyu Ilahi.

Prelatus itu menekankan hubungan rapat antara Kitab Suci dan Tradisi, yang bermaksud penyampaian Injil secara langsung melalui Roh Kudus.

Firman Tuhan ialah realiti yang hidup dan organik yang berkembang dan bertumbuh dalam Tradisi. Terima kasih kepada Roh Kudus yang mendorong kita memahami firman Tuhan, dalam kekayaan kebenarannya dan menjelmakannya dalam koordinat sejarah yang berubah-ubah.

Tradisi dan Kitab Suci berasal dari sumber yang sama

Bapa Suci Leo memetik dua adegan Injil untuk menjelaskan "hubungan rapat antara kata-kata yang diucapkan oleh Kristus dan penyebarannya sepanjang abad."

Pertama ialah apabila Yesus berucap kepada murid-murid di Ruang Atas sebelum kematian-Nya dan memberitahu mereka bahawa mereka akan menerima Roh Kudus daripada Tuhan, yang akan membimbing mereka "ke dalam seluruh kebenaran."

Kedua, apabila Kristus yang bangkit

menunjukkan diri-Nya kepada murid-murid dan memanggil mereka untuk "menjadikan semua bangsa murid... mengajar mereka untuk melakukan segala yang telah Aku perintahkan kepadamu."

Memetik ayat 9 *Dei Verbum*, Sri Paus menekankan bagaimana KV II menjelaskan hubungan rapat antara Kitab Suci dan Tradisi dengan menyatakan bahawa "kedua-duanya, berasal dari sumber ilahi yang sama, dalam cara tertentu bergabung menjadi satu dan menuju ke arah matlamat yang sama."

"Tradisi Gerejawi bercabang sepanjang sejarah melalui Gereja, yang memelihara, mentafsir dan merangkumi Firman Tuhan," jelas Sri Paus Leo.

"Kitab Suci bukan dokumen dan rekod tetapi ia ditulis dalam hati Gereja," tambahnya, memetik perkara 113 dalam Katekismus Gereja Katolik (KKGK).

Sri Paus kemudian menekankan bagaimana Tradisi, yang berasal daripada para Rasul, berkembang dalam Gereja dengan bantuan Roh Kudus.

"Ini berlaku dengan pemahaman sepenuhnya melalui 'renungan dan kajian yang dilakukan oleh orang beriman', melalui pemahaman yang mendalam tentang realiti rohani yang mereka alami dan, di atas segalanya, melalui khutbah pengganti para rasul yang telah menerima 'anugerah kebenaran yang pasti,'" jelasnya, memetik semula Konstitusi Dogmatik.

"Pendek kata, Gereja, melalui ajaran-ajarannya, kehidupan dan ibadat-Nya, mengekalkan dan menyampaikan kepada semua generasi tentang Tuhan, tentang apa yang dipercayainya iaitu Kristus yang hidup."



Untuk menjelaskan firman Tuhan yang hidup dan hubungannya dengan Tradisi, Sri Paus memetik kata-kata Doktor Gereja, St John Henry Newman, yang menegaskan bahawa "Agama Kristian, sama ada pengalaman komunal mahupun sebagai doktrin, adalah realiti yang dinamik, seperti yang ditunjukkan oleh Yesus sendiri dalam perumpamaan tentang biji sesawi: bahawa hidup berkembang berkat daya hidup dalaman."

Satu simpanan suci Firman Tuhan

Bapa Suci Leo menekankan bagaimana *Dei Verbum* menunjukkan bahawa "Tradisi Suci dan Kitab Suci membentuk satu simpanan suci firman Tuhan, yang diamankan kepada Gereja," yang ditafsirkan oleh 'pejabat pengajaran Gereja yang hidup, yang kuasanya dijalankan atas nama Yesus Kristus'."

Pope Leo mengakhiri dengan memetik sekali lagi *Dei Verbum*, yang menjelaskan bahawa Kitab Suci dan Tradisi "sangat berkait rapat, tidak dapat dipisahkan dan bersatu di bawah tindakan Roh Kudus."

Media Vatikan

PENULIS BERKICAU

Mampukah doa selamatkan dunia?

Beberapa ketegangan semakin memuncak di kebanyakan bahagian dunia sekarang.

Pelbagai negara bergelut dengan perselisihan politik dan rusuhan awam sehinggalah kepada peperangan yang tidak pernah habis.

Dalam erti kata sebenar, keadaan yang menyedihkan ini bukanlah sesuatu yang baharu. Sukar untuk memikirkan sebarang tempoh masa yang panjang dalam sejarah manusia yang tidak melibatkan peperangan dan pelbagai jenis bahaya yang meresahkan.

Kita semua menginginkan keamanan pada zaman kita. Rasa sakit dan sukar untuk menyaksikan serta melihat perpecahan merobek masyarakat kita.

Ada perkara yang kita boleh dan patut lakukan ketika kita melihat berita yang sedih dan menakutkan.

Mungkin kita boleh menderma kepada organisasi yang dipercayai untuk membantu saudara saudari yang mungkin menderita akibat peperangan, kebuluran, bencana dan konflik dalam negara mereka.

Namun, kadang-kadang usaha kita terasa seperti setitik dalam baldi. Dunia ini sangat luas, dan perkara yang memecahbelahkan komuniti kita sangat besar dan pelbagai rupa. Bagaimana mungkin sumbangan kecil kita boleh membuat sebarang perbezaan?

Seorang paderi tua dan uzur tetapi masih bijaksana, Fr Filex Chung, dalam homilinya mengatakan, sebagai orang Kristian, harapan kita tidak hanya terletak pada kebolehan kita sendiri. Malah, ia tidak terletak langsung pada bakat kita.

Baru-baru ini, dia memimpin Misa Kudus di sebuah konven. Biarpun matanya sudah hampir buta, dia masih teguh berdiri di altar dan berkata, "Percayalah kepada kuasa Yang Maha Esa, yang lebih besar dan lebih berkuasa daripada semua masalah yang akan dihadapi dunia kita. Walaupun kita mungkin berasa tidak berdaya, ada Seorang yang Maha Berkuasa. Dan Dia mengasihi kita seperti anak-anak-Nya sendiri."

Itulah sebabnya perkara paling penting yang boleh kita lakukan untuk menjadikan dunia tempat yang lebih baik adalah dengan BERDOA.

Kita mungkin bertanya kepada diri sendiri dengan jujur: Sejauh manakah kita membawa perkara yang membimbangkan kita ke dalam doa? Seberapa tekunkah kita dalam doa-doa itu? Seberapa gigih kita dalam doa?

Namun doa sangat berkuasa. Apabila hidup terasa sukar dan berat, saya pasti doa yang berterusan dapat menghalang dunia kita daripada musnah sepenuhnya.

Seperti para kongregasi religius yang membaktikan diri mereka untuk berdoa bagi kesejahteraan manusia. Di mata dunia, tindakan mereka dianggap membuang masa.

Mungkin bagi dunia, ketekunan doa tidak dapat mengubah apa-apa. Di mata dunia, wang dan kuasa adalah dua perkara yang dapat menawan dunia.

Melalui sejarah, negara yang terkaya dan berkuasa tidak akan bertahan.

Walau apa pun, DOA, lebih-lebih lagi jika ia dilakukan bersama komuniti, dapat membantu menjadikan dunia kita tempat yang lebih baik.

MARI dan jadilah komuniti pemberita HERALD. Kami amat mengalu-alukan sumbangan artikel, pendapat dan perkongsian kita.

Kami mengalu-alukan artikel dalam 400-500 patah perkataan, gambar high-resolution (300 DPI) dalam format JPG atau PNG serta berkapsyen.

Kita boleh menghantar artikel kepada liza@herald.com.my atau

WhatsApp: 011-26391498

Jus rohani untuk jiwa

Antidot kepada rasa benci diri sendiri

Membenci diri sendiri adalah perkara yang berat. Ia bukan sekadar mood rendah atau hari yang buruk — ia merupakan kesakitan mendalam yang boleh menikam hati kita tanpa henti, membuatkan kita berasa tidak layak, malu dan tidak dicintai.

Ramai yang mengalami perasaan seperti ini dan ramai yang memilih untuk memendamnya dan tidak mahu membicarakannya.

Namun, Dia yang menciptakan kita — yang mengetahui setiap sudut gelap pemikiran kita — tidak pernah berhenti mengasihi kita walau sesaat pun.

Berikut merupakan petikan ayat dari Kitab Suci, untuk kita hayati pada hari-hari yang paling sukar dan sebagai peringatan bahawa kita tidak bersendirian, bahawa Dia yang menciptakan kita tidak berubah:

1. Tuhan dekat kepada orang yang patah hati, menyelamatkan orang yang remuk semangatnya (Mazmur 34:19). Apabila kita tenggelam dalam kebencian



diri, kita boleh terasa seperti Tuhan jauh. Tetapi

Dia sebenarnya tidak pernah jauh. Petikan ini mengingatkan kita bahawa Tuhan paling dekat ketika kita paling terluka. Dia melihat semangatmu yang hancur — dan Dia tetap dekat.

2. Kerana engkau berharga di mata-Ku dan dihormati, dan Aku mengasihi engkau. (Yesaya 43:4)

Kita mungkin tidak berasa berharga. Tetapi Tuhan melihat kita dengan mata belas kasihan dan cinta. Kita bukan pengecualian kepada kasih-Nya — kita adalah sebabnya.

3. Oleh itu, sekarang tidak ada hukuman bagi mereka yang berada di dalam Kristus Yesus. (Roma 8:1)

Tetapi Kitab Suci memberitahu kita bahawa apabila kita menjadi milik Kristus, tidak ada hukuman. Jika Tuhan tidak menghukum kamu, mengapa terus menghukum diri sendiri?

4. Walaupun hati kita menghukum kita, Tuhan lebih besar daripada hati kita dan mengetahui segala-galanya. (1 Yohanes 3:20)

Kadang-kadang hati sendiri menentang kita — mengisi minda kita dengan fikiran yang kejam dan tidak berperikemanusiaan. Tetapi Tuhan lebih besar daripada suara itu. Dia tahu niat kita, perjuangan dan cerita kita — dan Dia menjawab tuduhan dalaman kita dengan kasih sa-yang.

5. Tuhan, ada di tengah-tengahmu, seorang penyelamat yang perkasa; Dia akan bersukacita atasmu dengan kegembiraan, memperbaharui kamu dalam kasih-Nya... (Zefanya 3:17)

Tuhan tidak bergembira jika kita bersedih atau tidak boleh berdiri sendiri. Tuhan berkuasa memperbaharui kita — walaupun secara emosi dan rohani kita lumpuh.

Kita adalah anak Tuhan. Dan dengan bantuan-Nya, kebencian diri boleh mula mengalah — perlahan-lahan tetapi pasti kepada penyembuhan, kepada harapan, dan mungkin juga kepada cinta.

Namun jika perasaan tidak berharga diri kita berpanjangan atau menjejaskan keupayaan kita untuk menghadapi kehidupan seharian, adalah digalakkan untuk mendapatkan bantuan profesional. **Aleteia**



PLENTONG, Johor: Konferensi para Uskup Katolik Malaysia, Singapura dan Brunei (CBCMSB) mengadakan mesyuarat pleno dua kali setahun, dari Januari 5 hingga 8 di Pusat MAJODI.

Dalam ucapan beliau, Nunsio Apostolik ke Malaysia, Uskup Agung Wojciech Zaluski, menekankan surat daripada Kardinal Marcello Semeraro, Prefek Dikasteri untuk Pengelaran Orang-orang Kudus, yang merayakan ulang tahun pemberkatan Basilika Lateran pada November 9.

Prelatus itu menyeru para uskup agar merayakan hari memperingati para santo, beato dan hamba Tuhan, serta menggalakkan inisiatif untuk mengingati para murid Kristus yang luar biasa tersebut.

Mesyuarat pleno ke-117 membincangkan beberapa perkara penting, termasuk persiapan untuk Perhimpunan Pastoral Malaysia (MPC) di Sibu, Sarawak, dari September 9 hingga 13 lawatan *Ad Limina* persidangan episkopal ke Vatikan pada bulan Mei; pengesahan dua komisi episkopal serantau baharu; dan pembentukan pasukan serantau yang khusus untuk melindungi kanak-kanak.

Bagi MPC, Jawatankuasa Kerja Pusat (CWC), yang diketuai oleh Msgr Peter Ng, membentangkan pelan keseluruhan, memperincikan persediaan sehingga September 2026.

MPC bertaraf kebangsaan kali pertama ini akan menghimpunkan seramai 850 peserta dari semua sembilan keuskupan di Malaysia — tiga keuskupan dari Semenanjung Malaysia, Sabah, dan Sarawak.

Perwakilan akan merangkumi 250 peserta dari setiap wilayah, terdiri daripada klerus, religius dan orang awam, bersama dengan 50 tetamu jemputan dan 50 suka-relawan.

MPC 2026 akan memberi tumpuan kepa-



Para uskup bincang MPC 2026, *Ad Limina Asia*

da tema: *Meraikan dalam Semangat Persekutuan, Mendengar dalam Semangat Penyertaan, dan Berjalan dalam Semangat Misi.*

Ia juga akan meraikan kemuncak Perjalanan Salib yang mengelilingi semua keuskupan di Malaysia selama 16 bulan, dilancarkan semasa Hari Belia Katolik Malaysia di Keuskupan Agung Kota Kinabalu.

Sebagai persediaan, CWC akan mengedarkan doa untuk MPC, bersama-sama dengan buku persediaan kepada semua peserta sebelum ketibaan mereka di Sibu. Penganjur menekankan bahawa penglibatan yang bermakna memerlukan persediaan yang teliti di semua peringkat — oleh peserta individu, paroki, dan keuskupan — untuk mencapai penentuan pastoral dan matlamat misi yang dimaksudkan.

Mesyuarat konferensi itu juga membincangkan lawatan *Ad Limina*, yang terakhir diadakan pada Februari 2018.

Ditangguhkan kerana pandemik COVID-19, kebimbangan terhadap kesihatan Sri paus Fransiskus pada ketika itu memerginya, lawatan lima tahun sekali itu, kini dijadualkan pada Mei 2026.

CBCMSB akan menyertai uskup dari Pakistan, Laos, Bangladesh, dan Myanmar untuk lawatan *Ad Limina Asia* pada bulan Mei dan Jun.

Dua kumpulan serantau baharu ditubuhkan turut mendapat sokongan para uskup iaitu: Komisi Ekumenisme dan Dialog Antara Agama serta Komisi Serantau untuk Penginjilan.

Setiap komisi akan diketuai oleh seorang uskup sebagai presiden, disokong oleh

penyelaras serantau dan akan berkoordinasi rapat dengan pejabat Persekutuan Persidangan Uskup Asia (FABC) dan dikasteri yang berkaitan di Roma.

Dengan kerjasama Konferensi para Pemimpin Umum Religius, pleno juga menubuhkan Kumpulan Serantau untuk Perlindungan dan Keselamatan Kanak-kanak. Kumpulan ini terdiri daripada seorang wakil dari setiap keuskupan dan seorang pemimpin umum religius dari setiap empat wilayah — Semenanjung Malaysia, Singapura, Sabah, dan Sarawak.

Ia akan bekerjasama rapat dengan Komisi Kepausan untuk Perlindungan Kanak-kanak untuk membangunkan lagi protokol perlindungan negara selaras dengan Rangka Kerja Garis Panduan Universal Komisi Kepausan mengenai Perlindungan.



Paroki KSFx Keningau, persiapan menuju MPC 2026

KENINGAU: Sejak tahun 2023, Keuskupan Keningau telah giat mempersiapkan dan memperkenalkan program *Malaysian Pastoral Convention 2026* (MPC) yang bakal berlangsung di Keuskupan Sibu, Sarawak pada September 9 hingga 13, 2026.

Empat dokumen Sri Paus Fransiskus menjadi panduan untuk membicarakan empat aspek penting MPC2026 (keluarga, Gereja, sosial dan ekologi) iaitu *Evangelii Gaudium* (Sukacita Injil), *Amoris Laetitia*, *Fratelli Tutti* dan *Laudato Si'*.

Beberapa bulan sebelum perhimpunan MPC 2026, pada Januari 17 yang lalu, paroki St Francis Xavier (KSFx) telah menganjurkan persiapan MPC dengan menumpukan dokumen *Laudato Si'*, di Dataran Solidariti Keuskupan Keningau. Program ini telah menghimpunkan para pengerusi zon, KUK, komiti dan kerosulan dari seluruh paroki.

Acara dimulakan pada pukul 7.00 pagi dengan pendaftaran, sarapan diikuti sesi pujian

dan penyembahan.

Sesi utama mengenai dokumen *Laudato Si'* disampaikan oleh Msgr Gilbert Lasius. Para peserta diperkenalkan dengan latar belakang dokumen, mesej utama, serta ringkasan Bab 1 hingga Bab 6.

Penekanan diberikan kepada tanggungjawab umat Katolik untuk memelihara dan melindungi alam ciptaan Tuhan sebagai satu bentuk panggilan iman dan pelayanan rohani.

Seterusnya, para peserta didedahkan dengan rekomendasi program berdasarkan cadangan Perhimpunan Pastoral Keuskupan Keningau kali ke-12 (Pukat 12) yang disampaikan oleh Dr Jerome Jolly.

Sesi diteruskan dengan sesi bengkel dan evaluasi bagi mengenal pasti pelaksanaan rekomendasi pastoral yang telah, sedang dan akan dilaksanakan di peringkat zon, kuk dan kerosulan.

Dalam sesi bengkel ini, para peserta berbincang dengan penuh semangat dan kesunggu-

han tentang:

- 1) Cabaran dalam melaksanakan program yang berkaitan dengan alam sekitar.
- 2) Langkah-langkah penambahbaikan yang boleh diambil di setiap paroki dan mission.
- 3) Kreativiti dan peranan setiap pelayanan dalam menjayakan OM 3 (*Option Mission No.3*).

Hasil perbincangan tersebut dihantar kepada *Team Pemantau* sebagai rujukan dan tindakan selanjutnya demi memastikan pelaksanaan pastoral berjalan dengan lebih teratur dan berkesan.

Selepas perbincangan, setiap zon meneruskan sesi pembentangan.

Kemuncak acara ialah perayaan Ekaristi yang dipimpin oleh Msgr Gilbert Lasius.

Dalam homilinya, Msgr Gilbert menekankan tiga perkara penting yang harus dihayati oleh umat Tuhan dalam menjaga alam sekitar:

Pertama, bersyukur. Kita diajak untuk sentiasa bersyukur atas udara, matahari dan

segala anugerah alam yang Tuhan berikan kepada kita.

Sebagai tanda balasan kasih, kita dipanggil untuk memelihara hutan dan alam sekitar dengan penuh tanggungjawab.

Kedua, keprihatinan. Kepedulian kita bukan hanya terhadap alam ciptaan Tuhan, tetapi juga terhadap sesama manusia. *Laudato Si'* mengingatkan kita bahawa iman harus diterjemahkan melalui tindakan kasih, baik kepada alam mahupun kepada sesama.

Ketiga, pengharapan. Kita hendaklah memelihara harapan dalam hati. Jangan mudah menghukum atau berputus asa melihat kerosakan alam, sebaliknya terus berusaha dan percaya bahawa Tuhan tetap menyertai kita dalam memulihkan ciptaan-Nya.

Program berakhir dengan perasmian Pertandingan Keceriaan Santuari dan kawasan Gereja yang melibatkan setiap KUK sebagai sahutan kepada seruan pertobatan ekologi Sri Paus Fransiskus.